

## KENYATAAN MEDIA

### LANGKAH-LANGKAH MENANGANI PENULARAN WABAK *CURRENT* *CORONAVIRUS (COVID-19)* NEGERI PAHANG

Berdasarkan situasi semasa wabak di Malaysia umumnya dan Negeri Pahang khususnya semua Jabatan Negeri/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan disarankan untuk mengambil tindakan berikut;

- i. Semua perhimpunan melebihi 250 orang yang telah dirancang perlu ditangguhkan bagi mencegah penularan **COVID-19** sehinggahan baru dikeluarkan;
- ii. Semua Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan yang bertugas di Negeri Pahang juga, diminta menangguhkan perjalanan ke luar negara terutamanya ke wilayah atau bandar *lockdown*;
- iii. Bagi penjawat awam yang mempunyai gejala berkaitan wabak ini perlu mengambil langkah-langkah pencegahan seperti memakai topeng muka dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan di pusat-pusat kesihatan;
- iv. Menyediakan kemudahan pencegahan penularan wabak seperti *hand sanitizer* di tempat-tempat yang bersesuaian di dalam premis-premis kerajaan.

Saya berharap agar semua pihak bersama-sama mengambil langkah-langkah perlu dan mengambil serius perkara ini untuk menangani **COVID 19** daripada terus merebak. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/YB Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato' Indera/YH Dato'/ Tuan/Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

YB Setiausaha Kerajaan Pahang  
Dato' Sri Dr. Sallehuddin Bin Ishak, SSAP.,SIMP.,DIMP.,JSM.,PJK

Tarikh: 16 MAC 2020